



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Zaini Ozea. (1989). Bahasa Melanau: Suatu Tanggapan Awal. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 231-250

BAHASA MELANAU: SUATU TANGGAPAN AWAL

Zaini Ozea

PENGENALAN

Bahasa Melanau tergolong di bawah induk bahasa Malayo-Polinesia atau Austronesia. Bahasa Austronesia ialah bahasa yang tersebar daripada keluarga bahasa Austris dalam kebudayaan Dong Son di Selatan negeri China dalam tahun 2500 S.M.

Ada beberapa tulisan tentang bahasa Melanau di Sarawak, di antaranya oleh Clayre, Asmah, Archer, Austin Druce, Aikman, Hudson, Yasir, Ibrahim, Ray dan beberapa orang lagi. Kebanyakan tulisan itu deskripsi yang pendek. Saya kira usaha yang dapat dianggap sebagai kajian dan penelitian yang serius ialah yang dibuat oleh Clayre. Namun, seperti halnya dengan bahasa-bahasa lain kecuali bahasa Iban kajian Asmah — masih banyak lagi maklumat tentang bahasa Melanau tidak kita ketahui. Penelitian yang dibuat oleh Clayre lebih tertumpu pada dialek Oya-Dalat.

Kertas kerja ini bertujuan menghuraikan beberapa hal yang umum tentang bahasa Melanau: hal-hal yang saya fikir menarik untuk direnungi dan barangkali dikaji. Akan tetapi kertas kerja ini disediakan dengan keterhadan. Faktor waktu tidak mengizinkan saya untuk mengumpul data secukupnya bagi memberikan deskripsi yang lebih lanjut.

BAHASA MELANAU: SUATU TANGGAPAN AWAL

oleh

Zaini Ozea

PENGENALAN

Bahasa Melanau tergolong di bawah induk bahasa Malayo-Polinesia atau Austronesia. Bahasa Austronesia ialah bahasa yang tersebar daripada keluarga bahasa Austris dalam kebudayaan Dong Son di Selatan negeri China dalam tahun 2500 S.M.

Ada beberapa tulisan tentang bahasa Melanau di Sarawak, di antaranya oleh Clayre, Asmah, Archer, Austin Druce, Aikman, Hudson, Yasir, Ibrahim, Ray dan beberapa orang lagi. Kebanyakan tulisan itu deskripsi yang pendek. Saya kira usaha yang dapat dianggap sebagai kajian dan penelitian yang serius ialah yang dibuat oleh Clayre. Namun, seperti halnya dengan bahasa-bahasa lain kecuali bahasa Iban kajian Asmah — masih banyak lagi maklumat tentang bahasa Melanau tidak kita ketahui. Penelitian yang dibuat oleh Clayre lebih tertumpu pada dialek Oya-Dalat.

Kertas kerja ini bertujuan menghuraikan beberapa hal yang umum tentang bahasa Melanau: hal-hal yang saya fikir menarik untuk direnungi dan barangkali dikaji. Akan tetapi kertas kerja ini disediakan dengan keterhadan. Faktor waktu tidak mengizinkan saya untuk mengumpul data secukupnya bagi memberikan deskripsi yang lebih lanjut.

LATAR BELAKANG

Soal yang selalu timbul dalam fikiran pengkaji tentang komuniti Melanau ialah bagaimanakah komuniti ini dikelompokkan sebagai 'Melanau': apakah ciri-ciri persamaan dan apakah ciri-ciri perbezaan komuniti ini dengan komuniti lain? Morris mendasarkan perbezaan itu pada bahasa dan budaya (adat) dan menolak perbezaan dari segi fizikal (1953:2). Yasir, anak Melanau yang mengkaji masyarakatnya sebagai latihan ilmiahnya tidak begitu menyetujui Morris. Dia melihat ciri-ciri seperti dialek, pola penempatan, pekerjaan atau kegiatan, ekonomi dan nilai sosial (1987: 2). Secara yang lebih mudah, orang Melanau sering dikaitkan dengan terendak mereka (seraong atau seraung), makanan mereka (sagu), legenda mereka (Tugau), pakaian mereka (berwarna hitam dan bergerunung) dan yang utama, bahasa mereka.

Saya kira di antara kaum-kaum di Sarawak, kaum Melanaulah yang paling banyak mengalami pertembungan dan asimilasi sosiobudaya dan ini menjadikannya sebagai kumpulan yang bukan saja paling menarik tetapi juga paling segera untuk dikaji. Jackson, misalnya, mengatakan bahawa orang Melanau merupakan orang perantaraan di antara orang Melayu dan penduduk di pedalaman (Jeniri 1988: 2) dan MacDonald menulis bahawa orang Melanau membentuk hubungan (link) di antara kaum primitif di hulu sungai dan penduduk yang lebih moden di pesisiran Sarawak (1958: 315–316).

Dari segi sejarah dan asal-usul, orang Melanau dikaitkan dengan orang Kajang (Clayre dalam Morris 1978: 37), orang Kayan (MacDonald 1958: 319), orang Kanowit (Edwards dan Stevens 1971: 93) dan lain-lain. Tidak hairan juga kalau orang Melanau menganggap diri mereka ada pertalian dengan kaum Ilanun atau Iranun dari Mindanao di Filipina, kerana kaum ini memang pernah mengganas malah menetap di kawasan-kawasan yang diduduki oleh orang Melanau (Pallesen 1985: 218, Asmah 1983: 273, MacDonald 1958: 325). Pertembungan komuniti Melanau dengan orang Melayu pula memang tidak dinafikan terutama melalui pengislaman.

Dapat dipersetujui pendapat Morris bahawa panggilan 'Melanau'¹ itu tidak digunakan oleh orang Melanau sendiri bagi merujuk diri mereka (1953: 2). Komuniti Melanau di Kuala Rajang², misalnya, menganggap diri mereka sebagai *tuau Ajang*, *tuau Belawai*, *tuau Paluh* dan seumpamanya, seperti halnya juga komuniti Melanau di Mukah-Dalat yang merujuk diri mereka sebagai *likou Mukah*, *likou Uyak*, *likou Dalat* dan seumpamanya. 'Tuau' [tu?au] di sini dimaksudkan sebagai *orang* dalam dialek Kuala Rajang, manakala *likou*, mengikut Jeniri, dimaksudkan sebagai kaum atau ras (1988: 1), sungguhpun *likou* juga boleh dimaksudkan sebagai orang Melanau yang masih pagan³.

Merujuk kumpulan diri mengikut nama tempat ini berlaku juga di kalangan komuniti lain. Misalnya di kalangan komuniti Iban (Asmah 1981: 2).

Ada beberapa andaian tentang asal nama Melanau. Yang paling menarik ialah kaitannya dengan nama Maranau (Maranao) atau Mindanao (Mindanao). Maranau atau Marinaw ialah nama suku kaum di Mindanao Tengah, tempat asal orang Ilanun atau Iranun yang sering menyerang kawasan pesisiran Sarawak yang didiami orang Melanau sekarang (Asmah 1983: 272; Pallesen 1985: 218).

Morris melaporkan bahawa nama Melanau diberikan oleh orang Melayu Brunei pada masa dulu dan nama itu tercatat pada peta Sarawak pada tahun 1595 (1963: 2).

Jadi, dari segi sejarahnya pengelompokan orang Melanau sudah jelas, iaitu mengikut Morris, kumpulan penduduk yang mendiami kawasan pantai dari daerah-daerah delta sungai Rajang (Rejang) hingga ke Bintulu di utara (dalam King 1978: 37). Hipotesis juga mungkin dapat dibentuk tentang orang Melanau dan hubungan mereka dengan kewujudan tamadun manusia 40,000 tahun dahulu di Gua Niah — gua yang terletak di kawasan komuniti itu. Menurut Mullen, orang Melanau mungkin kumpulan penduduk yang tertua di Sarawak (1967: 10).

Dengan latar belakang yang telah diuraikan tadi dapat diandaikan bahawa perbandingan bahasa Melanau dengan bahasa-bahasa lain di sekitar-